

KERATAN AKHBAR-AKHBAR TEMPATAN
TARIKH: 28 APRIL 2016 (KHAMIS)

Bil	Tajuk	Akhbar
1.	Jimat, bekalan air Melaka tidak mampu bertahan sehingga September – Ketua Menteri	BERNAMA
2.	Kelantan lakukan pembenihan awan dalam masa terdekat - Exco	BERNAMA
3.	Be prepared for the worst, says minister	Malay Mail
4.	Govt committee to discuss weather crisis	Malay Mail
5.	Labuan, barat Sarawak terima hujan lebih 300mm	Harian Metro
6.	Tiga telaga tiub dibina di Empangan Timah Tasoh	BERNAMA
7.	Status Bukit Merah, Timah Tasoh sebagai kawasan bencana diketahui esok	BERNAMA
8.	Cuaca panas dijangka kembali normal menjelang akhir Mei – Jabatan Meteorologi	BERNAMA
9.	Empangan susut hampir dua peratus	Harian Metro
10.	Gempa bumi sederhana landa Timur Laut Taichung, Taiwan	BERNAMA



Jimat, Bekalan Air Melaka Tidak Mampu Bertahan Sehingga September - Ketua Menteri

MELAKA, 27 April (Bernama) -- Bekalan air yang dimiliki Melaka tidak akan mampu bertahan sehingga September sekiranya cuaca panas berlarutan sehingga tempoh itu, kata Ketua Menteri Datuk Seri Idris Haron.

Sehubungan itu, beliau berkata rakyat Melaka perlu melaksanakan langkah menjimatkan penggunaan air mulai sekarang bagi 'memanjangkan hayat' bekalan air di negeri ini.

"Mungkin kita ambil langkah alternatif seperti bina telaga tiub namun paling penting kita semua mesti jimat air mulai sekarang. Usaha ini perlu kerjasama semua, selain langkah itu kita hanya mampu berdoa," katanya pada sidang akhbar selepas mempengerusikan mesyuarat Exco kerajaan negeri di sini, hari ini.

Pada 22 April lepas, [Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi Datuk Wilfred Madius Tangau](#) dilaporkan berkata Malaysia dijangka mengalami masalah bekalan air sehingga September berikutan cuaca panas dialami sekarang diramal berterusan sehingga tempoh itu.

Berdasarkan laporan Badan Kawal Selia Air Melaka hari ini, paras air di Empangan Durian Tunggal di Alor Gajah pada tahap 40.6 peratus, Empangan Jus di Jasin (71 peratus) dan Empangan Asahan di Jasin (83.6 peratus).

Idris berkata sebanyak 200 juta galen air sehari sedang dipam dari Empangan Jus ke Empangan Durian Tunggal bagi menstabilkan bekalan air yang menghampiri tahap kritikal di empangan tersebut.

Beliau berkata hujan sekejap-sekejap tiga hari ini meningkatkan bekalan air kira-kira 10 peratus, bagaimanapun sekiranya cuaca panas berlarutan bekalan air di Melaka sekarang hanya mampu bertahan sehingga dua minggu sebelum apa-apa tindakan termasuk catuan air dilaksanakan.

Katanya kerajaan negeri juga menimbang untuk memberikan ganjaran wang tunai kepada mereka yang melaporkan perbuatan mencemarkan sungai dan bekalan air di negeri ini.

Sementara itu, Idris berkata kerajaan negeri telah menerima laporan kepincangan tadbir urus korporat pengurusan Kolej Antarabangsa Yayasan Melaka (KAYM) dan mahu siasatan audit dalaman segera dilakukan ke atas kolej tersebut.

Beliau kesal dengan tindakan KAYM menolak siasatan audit dalaman kira-kira sebulan lepas atas alasan 'mengganggu ahli lembaga pengarah'.

"Kerajaan negeri mengamalkan tadbir urus telus terutama kepada rakyat, tiada apa-apa yang disembunyikan jadi mengapa KAYM perlu menolak audit dalaman. Jika terus menolak kerajaan negeri tidak menolak kemungkinan membuat laporan kepada SPRM (Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia)," katanya.

Kolej Yayasan Melaka Sdn Bhd yang berperanan mengurus KAYM, ditubuhkan pada 15 Dis 1983 dan Yayasan Melaka dipengerusikan Idris kini mempunyai pegangan 40 peratus di dalam syarikat itu.



Kelantan Lakukan Pembenihan Awan Dalam Masa Terdekat - Exco

KOTA BAHARU, 27 April (Bernama) -- Kelantan akan melakukan pembenihan awan dalam masa terdekat jika masih tiada hujan di negeri ini, kata Pengerusi Jawatankuasa Kerajaan, Infrastruktur, Utiliti dan Teknologi Maklumat negeri Datuk Hanifa Ahmad.

Hanifa berkata pihaknya akan bekerjasama dengan sebuah syarikat swasta bagi melakukan operasi pembenihan awan di negeri ini.

"(Bagaimanapun) bekalan air masih cukup setakat ini dan kita jangka kalau tidak hujan berterusan sehingga akhir Mei mungkin kita akan menghadapi sedikit masalah.

Jika El Nino berterusan sehingga pertengahan Jun kita ada masalah dan kita perlu catu (bekalan air)," katanya kepada pemberita selepas menghadiri mesyuarat exco di Kompleks Kota Darul Naim di sini, hari ini.

Semalam, Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi Datuk Seri Wilfred Madius Tangau dipetik sebagai berkata enam kawasan yang masih mencatatkan bilangan hari tanpa hujan melebihi 10 hari berturut-turut ialah Kota Bharu dan Machang, Kelantan yang masing-masing 23 hari, dan Kudat, Sabah selama 15 hari.

Selain itu, Madius berkata Pasir Mas, Kelantan; Besut, Terengganu; dan Mersing, Johor mencatatkan selama 10 hari tanpa hujan.

Hanifa berkata pihaknya akan menghantar bekalan air ke kawasan terjejas jika mendapat laporan daripada penduduk.

-- BERNAMA

Be prepared for the worst, says ministry

By Nurul Huda Jamaluddin
nurulhuda@mmail.com.my

PETALING JAYA — The Natural Resources and Environment Ministry has warned Malaysians to brace for less rain and more haze “in coming months”.

This comes barely days after the Science, Technology and Innovation Ministry forecast the hot weather would persist until September, as lakes and rivers dry up.

Natural Resources and Environment Minister Datuk Seri Wan Junaidi Jaafar said winds were expected to carry particles from Indonesia to Malaysia.

“Although the local haze is not at dangerous levels, the change of monsoon next month could worsen the situation. If forest fires break out in Indonesia, then we will face haze throughout the next few months, and there will be less rain,” he said.

Wan Junaidi said although the El Nino phenomenon was expected to last until June, the Southwest monsoon would prolong the hot and dry spell.

He also expressed concern over depleting water reserves at dams nationwide. Seven dams — Timah Tasoh (Perlis), Beris, Padang Saga, Muda (Kedah), Bukit Merah (Perak), Bukit Kwong (Kelantan) and Labong (Johor) — recorded water levels below 50 per cent.

“The government has decided to carry out cloud seeding operations daily. When water levels at rivers and lakes are low, it could lead to pollution,” Wan Junaidi said.

“The Cabinet has ordered ministries to take precautionary measures.”

He said the Department of Environment had detected 1,460 cases of open burning, between Jan 1 and Monday.

There are six areas where forest and peat fires continue to burn. They include Beris and Lalang mukim in Bachok, Kelantan, Kuala Langat Forest Reserve, Gunung Arong, Mersing in Johor, Kampung Durian Guling, Marang in Terengganu, Kampung Batu 7, Dungun in Terengganu, and an oil palm plantation in Felda Bukit Kemadol, Kuala Langat in Selangor.

“I have directed the department to take action on offenders.”



He also proposed the government take over land on which fires were allowed to burn unchecked.

“Existing laws are unable to prevent open burning ... so we want firmer action. In Sarawak, we call it ‘re-enter the land’ where the land is handed over to the government.

Kota Baru and Machang in Kelantan had been without rain for the past 23 days while Kudat had not experienced rain over the past 15 days. The other areas that have not seen rain for more than 10 consecutive days include Besut in Terengganu and Mersing in Johor.

Govt committee to discuss weather crisis

By John Bunyan

johnbunyan@mmail.com.my

BUKIT MERAH — The Cabinet's high-level committee for disaster management will meet in Putrajaya today to discuss depleting water levels at dams and water catchment areas nationwide.

The meeting, to be chaired by Deputy Prime Minister Datuk Seri Ahmad Zahid Hamidi, will also discuss the dried up Bukit Merah lake in Kerian, Perak.

The committee's deputy chairman Datuk Seri Shahidan Kassim said he would submit a report and proposals to the committee.

"I have seen the (Bukit Merah) lake and have discussed the situation with the state authorities. We have several proposals which include building a new dam in Beriah Valley, to deepen the lake and constructing tube wells," he said yesterday.

Shahidan, who is minister in the Prime Minister's Department, said it was important for the proposals to materialise to ensure the masses would not face similar problems in the future. He also urged state authorities to protect and preserve water catchment areas.

"During my visit to a water catchment area, I noticed most of the land in the area has been cultivated. This must be avoided."

"If the land is being used for cultivation, it

is unable to store water and this will impact the people and the environment during the hot and dry season."

Shahidan said the government spent RM100,000 per day for its daily cloud seeding operations at 10 water catchment areas nationwide.

Science, Technology and Innovation Ministry director-general Datuk Che Gayah Ismail said the daily cloud seeding activities started on April 12 and would continue until middle of next month.

"The inter-monsoon season started last month and is expected to end in the middle of next month. Now is the best time to carry out cloud seeding operations," she said.

KERATAN AKHBAR
HARIAN METRO (SETEMPAT) : MUKA SURAT 40
TARIKH: 28 APRIL 2016 (KHAMIS)

Labuan, barat Sarawak terima hujan lebih 300mm

Kuala Lumpur: Hanya di Labuan dan barat Sarawak saja yang menerima taburan hujan melebihi paras purata bulanan iaitu antara 200 sehingga 300 milimeter (mm) sejak awal bulan ini.

Ketua Pengarah Jabatan Meteorologi Malaysia (MetMalaysia) Datuk Che Gayah Ismail berkata, bagaimanapun di Semenanjung dan Sabah, jumlah hujan masih di bawah paras purata biarpun hampir keseluruhan kawasan mula menerima hujan sejak lima hari lalu.

"Negara pada amnya berada pada monsun peralihan di mana tiupan angin mulai lemah dan pelbagai hala.

"Keadaan cuaca lebih cerah di sebelah pagi dan kebiasaannya hujan berserta ribut petir di sebelah petang terutama di kawasan Pantai Barat Semenanjung, barat dan tengah di Sarawak serta bahagian Sabah," katanya.

Sementara itu berdasarkan penceraipan stesen kaji cuaca JMM Temerloh, Pahang dan Kuala Krai, Kelantan direkodkan suhu cuaca tertinggi iaitu masing-masing 37.4 darjah Celsius dan 37.6 darjah Celsius.

Di Batu Embun, Pahang yang merekodkan suhu tinggi menurun kepada 36.4 darjah Celsius berbanding 37.1 darjah Celsius sebelum ini.

Che Gayah berkata, keadaan cuaca sekarang adalah lembap dan dijangka mengurangkan kesan suhu panas yang berlaku secara beransur-ansur.

Pada masa sama kekuatan El Niño sedang melemah secara beransur dan dijangka tamat pada pertengahan tahun ini serta suhu juga dijangka kembali normal.



Tiga Telaga Tiub Dibina Di Empangan Timah Tasoh

PADANG BESAR, 27 April (Bernama) -- Kerajaan telah meluluskan pembinaan tiga telaga tiub di Empangan Timah Tasoh supaya air dapat dibekalkan berterusan kepada penduduk Perlis walaupun pada musim kemarau.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Seri Shahidan Kassim berkata Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Ahmad Zahid merangkap pengerusi Agensi Pengurusan Bencana Negara (Nadma) meluluskan sendiri projek tersebut.

Katanya projek itu bernilai RM600,000 atau RM200,000 satu telaga akan dibina di Sungai Jarum dan Sungai Pelarit manakala satu lagi tempat akan dikenalpasti dalam masa terdekat.

Kedudukan telaga tiub yang akan dibina itu kira-kira satu kilometer dari kawasan tadahan Empangan Timah Tasoh, kata Shahidan kepada pemberita selepas membuat pemantauan udara kawasan Empangan Timah Tasoh, hari ini.

Turut sama dalam tinjauan itu **Ketua Pengarah Jabatan Meteorologi Malaysia (MetMalaysia), Datuk Che Gayah Ismail**, Ketua Pengarah Jabatan Pengairan dan Saliran, Datuk Ir Zulkefli Hassan dan Timbalan Ketua Pengarah (Operasi) Jabatan Pertanian, Zamil Abdin Yusof.

Beliau berkata telaga tiub yang berdiameter lapan inci itu akan dibina sedalam 100 meter dan berupaya menyedut air bawah tanah untuk disalurkan ke dalam sungai dan seterusnya ke empangan.

Shahidan yang juga timbalan pengerusi Nadma berkata Nadma akan bermesyuarat esok untuk menilai dan mempertimbangkan cadangan dan permohonan oleh daerah dan negeri berhubung fenomena El-Nino.

Bagi perancangan jangka pendek, operasi pembenihan awan (OPA) masih relevan dan akan diteruskan di kawasan-kawasan yang tidak menerima hujan sejak dibuat pada 18 April lepas, katanya.

Sementara itu paras air Empangan Timah Tasoh tidak berubah dan kekal seperti semalam iaitu 26.17 meter walaupun hujan turun di beberapa tempat di negeri ini sejak semalam.

-- BERNAMA



Status Bukit Merah, Timah Tasoh Sebagai Kawasan Bencana Diketahui Esok

BAGAN SERAI, 27 April (Bernama) -- Keputusan sama ada Bukit Merah di sini dan Timah Tasoh di Perlis diisytihar sebagai kawasan bencana disebabkan cuaca panas serta kering akibat fenomena El Nino sekarang akan diumumkan esok.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri Datuk Seri Shahidan Kassim berkata ketetapan berhubung perkara itu akan dibuat dalam mesyuarat Jawatankuasa Tertinggi Kabinet Mengenai Bencana yang ditubuhkan hari ini.

"Penubuhan jawatankuasa ini diumumkan semasa mesyuarat kabinet hari ini bertujuan memantau semua kejadian bencana dalam negara termasuk kemarau.

"Sebarang laporan dan cadangan mengenai situasi di kedua-dua kawasan akan dikemukakan kepada jawatankuasa sebelum sebarang keputusan diambil," katanya kepada pemberita selepas meninjau Empangan Tasik Bukit Merah di sini hari ini.

Menurut Shahidan jawatankuasa tersebut akan dipengerusikan Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi.

Menjelas lanjut mengenai keadaan di Bukit Merah, Shahidan berkata antara cadangan yang akan diusulkan semasa mesyuarat tersebut adalah pembinaan empangan kedua di Lembah Beriah di sini selain membina telaga tiub untuk tujuan pertanian.

Cadangan lain yang juga akan diperhalusi termasuk membina terowong dari Sungai Perak ke empangan serta mendalamkan Tasik Bukit Merah, katanya.

Dalam pada itu Shahidan meminta setiap kerajaan negeri mengambil berat tentang kawasan tadahan hujan dengan tidak lagi membenarkan sebarang aktiviti pertanian di sekitarnya.

Sementara itu, Ketua Pengarah Jabatan Meteorologi Malaysia Datuk Che Gayah Ismail berkata pembenihan awan dilakukan di seluruh negara sejak 12 April lalu.

"Pada setiap kali pembenihan awan dilakukan ia mengambil masa antara satu hingga dua jam dan bila dilakukan di seluruh negara ia menelan kos kira-kira RM100,000," katanya.

Che Gayah berkata El Nino yang melanda sekarang adalah yang paling teruk pernah melanda negara sejak 1997/1998.

-- BERNAMA



Cuaca Panas Dijangka Kembali Normal Menjelang Akhir Mei - Jabatan Meteorologi

KUALA LUMPUR, 27 April (Bernama) -- Cuaca panas akibat fenomena El-Nino yang melanda negara ketika ini dijangka kembali normal menjelang akhir bulan depan, kata Pegawai Meteorologi, Pusat Operasi Cuaca dan Geofizik Nasional, Jabatan Meteorologi Malaysia, Khairul Najib Ibrahim.

Beliau berkata ia susulan keadaan cuaca lembap dengan hujan dan ribut petir yang berlaku pada sebelah petang di kebanyakan kawasan yang dijangka mengurangkan kesan suhu panas secara beransur-ansur.

"Keadaan ini (cuaca lembap) melibatkan beberapa kawasan termasuk pantai barat Semenanjung, bahagian barat dan tengah Sarawak serta beberapa bahagian di Sabah.

"Ini berikutan negara sedang mengalami fasa peralihan monsun di mana angin lazim biasanya lemah dan membawa hujan berserta ribut petir pada lewat petang serta kadang kala berlarutan hingga ke awal malam terutama di kawasan pantai barat Semenanjung," katanya kepada Bernama.

El-Nino terjadi apabila suhu paras air di kawasan tengah dan timur tropika Lautan Pasifik jauh meningkat daripada suhu purata dan menyebabkan berlaku perubahan dari segi peredaran udara.

Fenomena yang berlarutan sejak Februari lalu turut mengakibatkan beberapa negeri mengalami masalah bekalan air kerana kadar tadahan air di beberapa empangan utama berkurangan.

Bagaimanapun Khairul Najib berkata status gelombang haba bagi Semenanjung setakat semalam menunjukkan suhu yang agak tinggi di kawasan utara dan tengah serta kawasan pedalaman Sabah dan Sarawak.

"Suhu maksimum antara 35 hingga 37 darjah Celsius dilaporkan berlaku di beberapa kawasan termasuk Gua Musang di Kelantan, Jerantut di Pahang, Jempol di negeri Sembilan serta Mersing dan Segamat di Johor.

"Suhu di Sabah dan Sarawak masih berada di tahap normal kecuali di beberapa kawasan iaitu Kota Marudu, Tongod dan Beluran di Sabah dan Limbang di Sarawak," katanya.

Sementara itu cuaca panas dan kering turut menyebabkan berlaku penyusutan air melibatkan beberapa empangan di Johor iaitu Sungai Lebam di Kota Tinggi, Congok di Mersing dan Sungai Layang Masai di Johor Baharu.

Timbalan Pengarah Pengurusan Sumber dan Kejuruteraan Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara (SPAN), Khithob Ahmad pula berkata penurunan paras air adalah berpunca daripada cuaca panas yang berpanjangan di negeri itu.

"Hujan hanya berlaku di beberapa daerah di Johor namun jarang sekali berlaku di kawasan tadahan empangan.

"Sehubungan itu SPAN akan sentiasa membuat pemantauan dengan operator bekalan air di seluruh negara untuk memastikan bekalan air mencukupi. Kita juga akan berusaha mencari penyelesaian bagi mengatasi masalah bekalan air ketika musim cuaca panas dan kering ini," katanya.

Namun katanya, sekiranya berlaku masalah bekalan air tidak mencukupi, SPAN akan mengatur jadual bekalan air secara berkala kepada penduduk yang terlibat di kawasan berkenaan.

-- BERNAMA

Empangan susut hampir dua peratus

Kuala Lumpur: Takungan empangan Bukit Kwong di Kelantan dan empangan Bukit Merah, Perak yang berada pada tahap kritikal didapati menyusut hampir dua peratus.

Berdasarkan laman Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS), simpanan air di empangan Bukit Kwong merosot kepada 6.91 peratus berbanding 7.81 peratus sebelum ini.

Manakala empangan Bukit Merah yang dilaporkan naik kelmarin mengalami penurunan semalam apabila stok air yang tinggal adalah 12.31 peratus berbanding 14.15 peratus.

Empangan lain yang kritikal iaitu di Padang Saga, Kedah kekal pada paras takungan sama iaitu

39.63 peratus.

Ia termasuk empangan Timah Tasoh, Perlis yang mana isi padu air masih kekal pada paras 37.84 peratus.

Sementara itu, laman Jabatan Meteorologi Malaysia (MetMalaysia) sehingga kelmarin merekodkan Kelantan masih mencatat bilangan hari paling lama tidak menerima hujan iaitu 24 hari di Kota Bharu dan Machang.

Selain dua kawasan itu, Pasir Mas juga antara yang lama tidak menerima hujan iaitu 11 hari.

Selain Kelantan, empat lagi negeri tidak menerima hujan iaitu di Besut, Terengganu dan Mersing, Johor masing-masing selama 11 hari serta 16 hari di Kudat, Sabah dan Raub, Pahang selama 10 hari.



Gempa Bumi Sederhana Landa Timur Laut Taichung, Taiwan

KUALA LUMPUR, 27 April (Bernama) -- Satu gempa bumi sederhana berukuran 5.6 pada skala Richter melanda timur laut Taichung, Taiwan pada 11.17 malam ini.

Jabatan Meteorologi dalam satu kenyataan berkata pusat gempa adalah 2,001 kilometer timur laut Kudat, Sabah.

Gempa bumi itu tidak membawa ancaman tsunami, kata kenyataan itu.

-- BERNAMA